


Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 "_____ perlu beratur sebelum masuk ke dalam dewan peperiksaan," kata Cikgu Ali kepada murid-murid.
A Anda
B Kami
C Kalian
D Mereka
- 2 Gara-gara bermandi-manda di air terjun terlalu lama, dia menggigit _____.
A kebekuan
B kekakuan
C kesejukan
D kekecutan
- 3 _____ yang melanda kampung itu menyebabkan beberapa buah rumah mengalami kerosakan teruk.
A Bayu
B Ribut
C Angin
D Petir
- 4 Encik Kadir berasa gembira kerana rumah teres yang dilelong itu telah menjadi _____.
A hak cipta
B hak milik
C hak kuasa
D hak asasi
- 5 Ular sawa itu _____ di tebing sungai untuk mencari mangsanya.
A bergerak
B menjalar
C menyusur
D merangkak

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Sekumpulan lebah telah _____ sarang di bawah pokok itu sejak sebulan yang lalu.
A menjadi
B membuat
C menumpang
D mengumpul
- 7 A. Samad Said merupakan salah seorang penulis yang bergelar _____.
A Julawan
B Jelitawan
C Karyawan
D Sasterawan
- 8 Ibu _____ mengukur kelapa untuk _____ memasak gulai kari kepala ikan pagi tadi.
A telah
B akan
C belum
D masih

Soalan 9 dan 10
Pilih peribahasa yang sesuai.

- 9 Sebagai _____ Danny sanggup menerima cabaran bapanya untuk berada tenaga bermain tenis.
- A anak emas
 - B anak jantan
 - C anak angkat
 - D anak kandung

- 10 Nasihat ibu kepada Aiman _____ kerana Aiman langsung tidak mempedulikan nasihat tersebut.
- A seperti isi dengan kuku
 - B seperti ayam berak kapur
 - C seperti punggung rindukan bulan
 - D bagai mencurah air ke daun keladi

Setelah Sultan Alauddin dimakamkan, seluruh rakyat berkabung selama empat puluh hari, empat puluh malam.

- 11 Apakah yang berlaku kepada Sultan Alauddin?
- A Murka
 - B Geng
 - C Mangkat
 - D Semayam

- 12 Shirley sangat bertuah kerana mempunyai ibu bapa yang sangat memahami dirinya.

- Pilih perkataan sinonim bagi memahami.
- A menyayangi
 - B mengasihi
 - C mengerti
 - D merasai

- 13 Amni dan keluarganya bercadang pulang ke kampung pada hujung bulan nanti.

- Pilih perkataan antonim bagi hujung.
- A hulu
 - B awal
 - C tengah
 - D pangkal

- 14 Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berat dengan betul.

- I Sakit ibu mentuanya semakin berat.
- II Air sungai semakin berat selepas hujan turun dengan lebat.

- III Kini hubungan Siti dengan abangnya sangat berat.
 - IV Kotak bensin buku itu berat terangkat olehnya kerana sangat berat.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

- 15 A Abang tiba daripada Pulau Pinang pada pukul lapan pagi.
B Janganlah anda marah di atas apa yang telah dilakukannya.
C Para guru sedang bermesyuarat di bilik guru yang terletak di tingkat dua.
D Semua murid-murid tahun enam akan menduduki peperiksaan UPSR esok.

- 16 A Kayu balak itu dipotong kepada beberapa bahagian.
B Sejak dari semalam sudah Tempok tidak pulang ke rumah.
C Di pertemuan itu, mereka saling bercerita tentang kehidupan masing-masing.
D Encik Jeremy menerangkan pada kami cara menggunakan peralatan elektrik itu.

Soalan 17

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 17 Perjumpaan alumni sekolah yang diadakan di Hotel Armada, Petaling Jaya dihadiri oleh Shafik semalam.
- A Semalam Shafik pergi ke Hotel Armada untuk menghadiri perjumpaan alumni sekolahnya di Petaling Jaya.
 - B Semalam Shafik menghadiri perjumpaan alumni sekolahnya yang diadakan di Hotel Armada, Petaling Jaya.
 - C Shafik pergi ke Petaling Jaya untuk berjumpa dengan alumni sekolahnya yang bertempat di Hotel Armada.
 - D Shafik menghadiri perjumpaan alumni sekolahnya, Petaling Jaya yang diadakan di Hotel Armada semalam.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Saban hari, Johan asyik termenung apabila memikirkan nasib hidupnya. Kini, barulah dia sedar bahawa dengan berbekalkan sijil SPM yang hanya sekadar lulus, amat sukar untuk dia mendapatkan pekerjaan yang baik. Sudah banyak pekerjaan yang dilakukannya. Antaranya menjadi buruh di tapak pembinaan, operator pengeluaran di kilang elektronik, dan kerani am di pejabat kawan bapanya.

Akhirnya, dia mengambil keputusan untuk bekerja sebagai pembantu kedai di pasar mini milik bapa saudaranya, Pak Halim. Pada mulanya, dia berasa agak kekok dan malu untuk melayan para pelanggan yang datang ke pasar mini itu. Namun, lama-kelamaan, dia berasa seronok setelah melihat banyak pelanggan yang datang ke situ dan keuntungan yang diperoleh semakin meningkat berkat kegigihan memajukan pasar mini itu.

Hampir dua tahun Johan bekerja sambil menimba pengalaman dan ilmu perniagaan di pasar mini itu. Pak Halim sangat berpuas hati dan berbangga atas keupayaan anak saudaranya itu. Akhirnya, Pak Halim menyerahkan cawangan pasar mini yang baru dibukanya kepada Johan untuk diuruskan. Selain itu, Pak Halim turut meminjamkan modal untuk Johan menambah baik perniagaan tersebut. Johan sangat terharu dan dia berjanji akan menguruskan perniagaan itu dengan sebaik-baik mungkin sebagai tanda mengenang budi Pak Halim.

Setelah beberapa tahun, perniagaan Johan semakin maju. Pak Halim yang tidak mempunyai anak berhasrat untuk menyerahkan kedua-dua buah pasar mininya itu kepada Johan. Beliau yakin Johan dapat menguruskan pasar mini itu dengan baik. Ternyata, Johan *anak buah* yang mengenang budi. Tahun demi tahun, perniagaan pasar mininya itu semakin maju dan beberapa cawangan baharu telah dibuka di tempat lain bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

18. Antara yang berikut, yang manakah bukan sebab Pak Halim menyerahkan pasar mininya kepada Johan?

- A Pak Halim terhutang budi dengan Johan yang banyak membantunya.
- B Pak Halim yakin akan keupayaan Johan untuk menguruskannya.
- C Pak Halim tidak mempunyai anak kandung.
- D Johan ialah anak saudaranya.

19. Antara kebaikan Pak Halim kepada beliau ialah

- A memberikan bantuan modal kepada Johan.
- B menjadikan Johan sebagai anak angkat.

C menghalang Johan bekerja sebagai kerani am.

D menyuruh Johan membesarkan pasar mininya.

20. Maksud rangkai kata *anak buah* dalam petikan ialah

- A anak tiri.
- B anak angkat.
- C anak sepupu.
- D anak saudara.

Soalan 21

(a) Pilih perkataan antonim yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan.

panjang	hina	aman
bersih	longgar	kemas

(i) Orang yang selalu membantu orang yang memerlukan dipandang mulia.

(ii) Pasu bunga itu diisi dengan tanah sehingga padat.

(iii) Adik perlu mandi untuk membersihkan badannya yang kotor.

[3 markah]

(b) Tulis BETUL atau SALAH pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

(i) Ayah tidak benarkan kami mandi di sungai pada musim hujan.

(ii) Perusahaan kerepek pisang Encik Hadi semakin maju setelah mendapat suntikan modal daripada kementerian.

(iii) Pendaki-pendaki Gunung Everest menerus pendakian walaupun mereka kepenatan.

[3 markah]

21(a)

3

21(b)

3

Jumlah

21

6

Soalan 22

(a) Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

putus asa

cekal hati

rambang mata

titik peluh

(i) Danish tidak _____ walaupun telah gagal beberapa kali dalam temu duga.

(ii) Pak Sidi menyekolahkan anak-anaknya hingga ke universiti hasil daripada _____nya mengerjakan sawah.

[2 markah]

(b) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

(i) "Harap kalian dapat bersabar atas kelewatan program ini," kata Ketua Program Bahasa Melayu kepada murid-murid tahun 6.

Ketua Program Bahasa Melayu meminta murid-murid tahun 6 supaya bersabar atas kelewatan program yang dijalankan.

Kelewatan program yang dijalankan menyebabkan Ketua Program Bahasa Melayu terpaksa memberitahu murid-murid bersabar.

22(a)

2

- (ii) "Jangan membuang masa kamu dengan melayari laman web yang tidak bermanfaat," kata ayah kepada abang.

Ayah merayu kepada abang supaya menggunakan masanya dengan melayari laman web yang berfaedah

Ayah melarang abang mentsia-siakan masanya dengan melayari laman web yang tidak berfaedah

[2 markah]

22(b)

2


Jumlah
22

4

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rumah panjang merupakan rumah tradisional yang terdapat di Sarawak. Percutian ke Sarawak tidak lengkap jikalau tidak mengunjungi rumah panjang ini. Kaum peribumi yang menghuni rumah panjang ini terdiri daripada kaum Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu.



Rumah panjang merupakan rumah induk yang berkongsi satu bumbung tetapi mempunyai beberapa buah rumah kediaman yang berlainan. Rumah panjang ini diketuai oleh seorang ketua yang digelar tuai rumah.

Semua aktiviti kemasyarakatan dijalankan di bahagian ruai. Kebiasaannya, komuniti rumah panjang akan memakai pakaian tradisional mereka ketika hari perayaan seperti Gawai Dayak dan ketika majlis perkahwinan.

- (a) Di manakah penghuni rumah panjang mengadakan aktiviti kemasyarakatan?

[2 markah]

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan tandakan (X) bagi pernyataan yang salah.

(i) Rumah panjang terkenal dalam kalangan orang asli di Sarawak.

☐

(ii) Ketua rumah panjang dikenali sebagai tuai rumah.

☐

[2 markah]

- (c) Berdasarkan pengetahuan kamu, apakah keistimewaan yang dapat dikaitkan dengan Sarawak selain daripada rumah panjang?

[3 markah]

23(a)

2

23(b)

2

23(c)

3

Jumlah
23

7

Soalan 24 (a)

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

**PERTANDINGAN PERSEMBAHAN PENTAS
(Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan)**

Tarikh : 25 Oktober 2020
Masa : 8.00 pagi hingga 1.00 petang
Tempat : Dewan Gemilang Sekolah Kebangsaan Indah Jaya
Tema : Bahasa Jiwa Bangsa

Hadiah:

Tahap 2 Kumpulan : RM550 (Juara), RM400 (Kedua), RM300 (Ketiga)
Tahap 2 Individu : RM150 (Juara), RM100 (Kedua), RM50 (Ketiga)
Tahap 1 Kumpulan : RM450 (Juara), RM300 (Kedua), RM200 (Ketiga)
Tahap 1 Individu : RM150 (Juara), RM100 (Kedua), RM50 (Ketiga)

Kategori:

Tahap 2 Kumpulan: Sketsa
Tahap 2 Individu : Deklamasi Sajak
Tahap 1 Kumpulan: Nyanyian
Tahap 1 Individu : Bercerita

- Dapatkan borang penyertaan daripada guru kelas masing-masing.
- Borang mestilah dihantar sebelum atau pada 25 September 2020.
- Setiap kelas wajib menghantar sekurang-kurangnya satu wakil kumpulan atau individu.

1

24(a)(ii)

2

Jumlah
24(a)

3

(i) Pertandingan persembahan pentas bagi kategori individu tahap dua ialah _____

[1 markah]

(ii) Fakri daripada kelas 5 Amanah telah memenangi kategori individu dan rakan sekelasnya yang lain memenangi kategori kumpulan.

Apakah ganjaran-ganjaran yang diterima oleh mereka?

[2 markah]

Soalan 24 (b)

Baca jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Jadual Latihan Persembahan Teater

Bil.	Kumpulan	Tajuk Teater	Hari	Masa
1	Kumpulan A	Getir Seorang Guru	Selasa	2.00 – 4.00 petang
2	Kumpulan B	Laksamana Melaka	Rabu	2.30 – 4.30 petang
3	Kumpulan C	Implan Angkasawan	Khamis	2.30 – 4.30 petang

Pemberitahuan:

- Murid yang terlibat perlu hadir 15 minit lebih awal di dewan.
- Alatan persembahan perlu diambil di stor dengan pantauan guru bertugas.
- Segala alatan yang digunakan perlu disimpan semula setelah selesai latihan.

(i) Apakah tajuk teater bagi kumpulan B?

[1 markah]

(ii) Selain persembahan teater, nyatakan **dua** persembahan yang sesuai dipentaskan oleh murid.

(a) _____

(b) _____

[2 markah]

(iii) Pada pendapat kamu, mengapakah murid yang terlibat perlu hadir 15 minit lebih awal di dewan?

[3 markah]
[3 markah]

Soalan 25

Teliti gambar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



(a) Berdasarkan gambar, nyatakan **dua** aktiviti yang sedang dilakukan oleh penduduk kampung.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan **sebuah** peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas.

[2 markah]

24(b)(i)

1

24(b)(ii)

2

24(b)(iii)

3

Jumlah

24(b)

6

6

25(a)

2

25(b)

2

Jumlah

25

4

Gambar di bawah menunjukkan suasana di air terjun.
Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.

